



## **YAYASAN WAQAF MALAYSIA**

### **IKLAN JAWATAN KOSONG**

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan dan berkelayakan bagi mengisi jawatan kosong di Yayasan Waqaf Malaysia (YWM).

- |                        |   |
|------------------------|---|
| 1. Jawatan             | : <b>PEMANDU KENDERAAN (GRED H11)</b>   |
| 2. Penempatan          | : Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif   |
| 3. Bilangan kekosongan | : Satu  |
| 4. Taraf Jawatan       | : Kontrak 1 tahun   |
| 5. Gaji Ditawarkan     | : Gaji Pokok : RM1,458.00<br>Elaun Tetap Perumahan : RM300.00<br>Elaun Sara Hidup : RM350.00<br>Elaun ITKA : RM95.00<br>Elaun Khas Pemandu : RM150.00<br>Elaun Telefon Bimbit : RM65.00   |
| 6. Syarat Lantikan     | <ul style="list-style-type: none"><li>• Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau</li><li>• lulus Bahasa Malaysia (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;</li><li>• memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian dalam bidang berkaitan; dan</li><li>• lesen memandu kelas D dan B2 yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan; dan</li><li>• Mempunyai rekod kesihatan yang baik.</li></ul> |

7. Diskripsi tugas : • Menyediakan perkhidmatan pemanduan kepada Ketua Pegawai Eksekutif bagi urusan rasmi YWM;
- Memastikan perjalanan berjalan lancar, selamat dan menepati masa;
- Memastikan kenderaan dalam keadaan bersih, selamat dan sedia digunakan setiap masa;
- Mengurus penyelenggaraan kenderaan;
- Menjaga keselamatan Ketua Pegawai Eksekutif semasa dalam perjalanan;
- Mematuhi peraturan lalu lintas dan memastikan pemanduan secara berhemah;
- Menjaga kerahsiaan lokasi, perbualan dan urusan rasmi Ketua Pegawai Eksekutif;
- Sentiasa berpakaian kemas, sopan dan profesional semasa bertugas; dan
- Melaksanakan tugas-tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasa.

## **CARA MEMOHON**

- a) Permohonan hendaklah dibuat dengan menghantar resume yang lengkap dengan gambar dan salinan dokumen-dokumen yang disahkan oleh Pegawai yang berkelayakan. Sila nyatakan jawatan yang dipohon di sudut atas sebelah kiri sampul surat.
- b) Permohonan hendaklah disampaikan kepada:  
**Bahagian Pengurusan**  
**Yayasan Waqaf Malaysia**  
**Aras 8, Blok D**  
**Kompleks Islam Putrajaya**  
**Jalan Tun Abdul Razak, Presint 3**  
**62100 Putrajaya.**
- c) Tarikh tutup iklan ialah pada **10 Oktober 2025 (Jumaat) jam 12.00 tengah hari.**

## **CATATAN AM**

- a) Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil temuduga.
- b) Pemohon yang tidak menerima jawapan selepas tempoh 6 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
- c) Hanya calon-calon yang berjaya dalam urusan temuduga akan dimaklumkan.

## **PENAFIAN**

Iklan jawatan kosong ini semata-mata untuk tujuan pelawaan sahaja dan tidak membentuk sebarang komitmen yang mengikat dengan mana-mana pihak. YWM tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kekeliruan mengenai maksud iklan jawatan kosong ini. Keputusan pengambilan pekerjaan adalah sepenuhnya bergantung kepada Pengurusan YWM.